

Bahagian A

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2024. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


(a) (i) Berikan rujukan grid 6 angka bagi masjid di kawasan tepubina Nagasari.

RG 833853

[2 markah]


(ii) Kirakan keluasan hutan primer dalam segi empat grid berikut.

2.5 KM²



[2 markah]

(b) (i) Nyatakan pola petempatan dalam segi grid berikut.



Pola berselerak


[1 markah]

(ii) Jelaskan faktor yang mempengaruhi pola petempatan dalam segi empat grid di atas.

Bentuk muka bumi beralun, tidak rata / Kegiatan pertanian / Peluang pekerjaan terhadap Kemudahan sosial terhadap/ Tanah hak milik persendirian
Darjah ketersampaian / Jumlah penduduk jarang

[3 markah]

- (c) Merujuk kepada segi empat grid berikut, wajarkah pihak kerajaan membina sebuah empangan? Berikan alasan anda.



Tidak, kerana memusnahkan habitat flora dan fauna, kepupusan flora dan fauna, hutan tenggelam air, Menjejaskan keseimbangan ekosistem, suhu meningkat kerana pokok berkurangan, berlaku tanah runtuh.

ATAU

Ya, kerana membekalkan sumber air kepada penduduk sekitar, meningkatkan taraf hidup penduduk Kerja pembinaan menambah peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk. Pembangunan petempatan kerana sumber air mencukupi. Menjana sumber tenaga hidroelektrik.

[3 markah]

- (d) Cadangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi dibangunkan tanpa menjejaskan keaslian alam sekitar di barat daya.

Sebagai pusat ekopelancongan, iaitu pelancongan berasaskan ekologi, kawasan hutan dikekalkan Flora dan fauna menjadi tarikan pelancongan, dapat menambah peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk Sebagai pusat perikanan, kerana terdapat sungai, boleh menjalankan kegiatan akuakultur, iaitu menternak ikan dalam Sangkar tidak menjejaskan hidupan akuatik asal.

[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Jumlah Penduduk Malaysia Mengikut Jantina dari Tahun 2017 hingga 2020

Tahun	Jumlah Penduduk (Juta Orang)	
	Lelaki	Perempuan
2017	16.3	15.4
2018	16.7	15.7
2019	16.8	15.8
2020	16.8	15.9

2 a) Berdasarkan Jadual 1, lukis sebuah graf bar berganda yang menunjukkan jumlah penduduk Malaysia mengikut jantina dari tahun 2017 hingga 2020. Gunakan skala 1 cm bersamaan 1 juta orang.

[Sila lukis pada kertas graf]

[7 markah]

b) Berdasarkan graf berganda yang telah anda lukis, terangkan pola jumlah penduduk mengikut jantina dari tahun 2017 hingga 2020.

Jumlah penduduk lelaki paling ramai pada tahun 2019 dan 2020, iaitu 16.8 juta orang.

Jumlah penduduk lelaki paling sedikit pada tahun 2017, iaitu 16.3 juta orang.

Pertambahan penduduk lelaki paling banyak pada tahun 2018, iaitu bertambah sebanyak 0.4 juta orang.

Jumlah penduduk perempuan paling ramai pada tahun 2020, iaitu 15.9 juta orang.

Jumlah penduduk perempuan paling sedikit pada tahun 2017, iaitu 15.4 juta orang.

Pertambahan penduduk perempuan paling banyak pada tahun 2018, iaitu bertambah sebanyak 0.3 juta orang.

[4 markah]

c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi perubahan jumlah penduduk di Malaysia.

Gaya hidup sihat seperti mengamalkan senaman.

Amalan pemakanan seimbang seperti pemakanan kurang gula.

Tahap kebersihan tinggi membantu mengurangkan jangkitan penyakit.


Kemudahan perubatan yang baik seperti hospital yang cukup.

Dasar kerajaan mengutamakan kesihatan penduduk seperti mengadakan Hari Sukan Negara

[4 markah]



Soalan 3 berdasarkan Peta 1.



(a) Namakan fenomena cuaca di kawasan bertanda X berdasarkan nilai pH hujan.

Hujan asid

[1 markah]

(b) Mengapakah hujan bernilai pH yang rendah direkod di kawasan bertanda X?

Pembebasan asap kilang / asap kenderaan bermotor
Pembakaran terbuka/ Pembakaran bahan api fosil

[3 markah]

(c) Terangkan kesan fenomena cuaca tersebut terhadap penduduk dan alam sekitar.

Menjejaskan kesihatan penduduk/ Wabak penyakit
Meluntur cat bangunan / Merosakkan harta benda / Merosakkan infrastruktur
Pencemaran sumber air/ hidupan akuatik terancam/ Menjejaskan keseimbangan ekosistem
Kepupusan flora dan fauna/ Menjejaskan kesuburan tanah / Tanaman terjejas

[3 markah]

(d) Bagaimanakah usaha yang berkesan untuk mengurangkan kejadian fenomena cuaca ini berlaku?

Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar / Memberi pendidikan alam sekitar
Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar / Mengadakan kempen kitar semula
Mengadakan kempen kongsi kereta/ Memasang alat penapis asap kenderaan/ penapis asap kilang

[3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Foto 1 dan Foto 2.



Foto 1



Foto 2

(a) Nyatakan jenis luluh hawa berikut.

- (i) Foto 1 : Luluh hawa biologi
- (ii) Foto 2 : Luluh hawa kimia

[2 markah]

(b) Berikah dua contoh agen yang lain bagi jenis luluh hawa Foto 1.

Pokok/ Tumbuh-tumbuhan / Hidupan liar (Haiwan seperti lembu, kambing, arnab....)

Manusia / Bakteria

[2 markah]

(c) Nyatakan dua pandang darat fizikal yang terdapat di Foto 2.

Tiang batu kapur

Stalaktit / Stalagmit

[2 markah]

(d) Terangkan kepentingan luluh hawa Foto 2 kepada manusia.

Membekalkan bahan mentah kepada industri / Bahan mentah membuat simen/ Perlombongan

Membekalkan sumber tanah / Memajukan kegiatan pertanian

Sebagai pusat pelancongan / Pusat ibarat

Peluang pekerjaan / Pendapatan

[4 markah]

Soalan 5 berdasarkan Foto 3.



Foto 3

(a) Apakah tindakan ombak yang membentuk bentuk muka bumi X?

Hakisan ombak / Tindakan hidraul

[1 markah]

(b) Namakan bentuk muka bumi berikut.

(i) X : Gerbang laut

(ii) Y : Pantai berpasir

[2 markah]

(c) Cadangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di kawasan bertanda Y.

Pusat pelancongan

Pusat pelabuhan

Pusat perikanan

Pusat perlombongan

[3 markah]

(d) Cadangkan usaha pemeliharaan di kawasan X dan Y.

Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar / Memberi pendidikan alam sekitar

Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar / Mewartakan taman laut

Menanam pokok bakau / Menjalankan penyelidikan dan pembangunan

[4 markah]

Bahagian C
[40 markah]


Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

6 (a) Di atas Peta 1, di halaman 11, namakan :

- (i) Bandar diraja bertanda **P**
- (ii) Bandar pelabuhan bertanda **Q**
- (iii) Bandar perkembangan industri petrokimia bertanda **R**
- (iv) Bandar ibu negeri **S**

[4 markah]

Rajah 1 menunjukkan hierarki petempatan.



Rajah 1 : Hierarki Petempatan

(b) Bandingkan ciri-ciri petempatan **P** dan **Q**.

Jumlah penduduk P kurang, Jumlah penduduk Q lebih ramai
Kepadatan penduduk P rendah, kepadatan penduduk Q tinggi.
Kegiatan ekonomi P kurang maju (pertanian...), Q lebih maju (Perindustrian...)
Kemudahan sosial P minimum, Q pelbagai.
Bangunan di P sederhana (tradisional), Q moden.

[8 markah]

(c) Huraikan usaha pembangunan yang dapat meningkatkan hierarki petempatan **Q** mencapai ke tahap **R** dalam tempoh masa 15 tahun akan datang.

[8 markah]

Menambah kawasan perumahan untuk menggalakkan pertambahan penduduk, membekalkan tenaga buruh kepada industri.
Menambah kawasan industri baharu untuk menggalakkan perpindahan masuk penduduk kerana banyak peluang pekerjaan.
Memajukan jaringan pengangkutan seperti lebuh raya untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dan meluaskan pasaran.
Menambah kemudahan sosial seperti universiti dan hospital menjadi tarikan penduduk, kerana menjadi kawasan taraf hidup tinggi.
Membuka bandar baharu seperti bandar satelit untuk memperluaskan kawasan bandar. Contoh Petaling Jaya.

Soalan 7 berdasarkan Peta 2.

(a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman ke lokasi berlorek.

[6 markah]

Dasar kerajaan membuka kawasan pertanian baharu, seperti Felda Jengka.
Wujud peluang pekerjaan sederhana dalam sektor pertanian, seperti menanam kelapa sawit.
Kemudahan sosial yang sederhana seperti klinik dan sekolah.
Wujud petempatan terancang, kawasan perumahan disediakan.
Penduduk di luar bandar lain yang tidak memiliki tanah.
Peluang pekerjaan di luar bandar lain yang terhad.
Kemudahan sosial di luar bandar lain yang terhad.

(b) Terangkan sumbangan pembukaan petempatan di kawasan tersebut terhadap pembangunan negara.

[6 markah]

Membekalkan bahan mentah kepada industri tempatan seperti kelapa sawit.
Menambah peluang pekerjaan dalam sektor pertanian, mengurangkan kadar pengangguran negara.
Menambah pendapatan negara melalui eksport hasil pertanian.
Membasmikan kemiskinan penduduk di luar bandar.
Menggalakkan pembangunan wilayah dan luar bandar, wujud bandar baharu.
Memajukan infrastruktur negara seperti pembinaan lebuh raya.
Memajukan industri hiliran seperti industri pemprosesan minyak sawit.

(c) Setujukah anda pembukaan petempatan oleh kerajaan seperti ini diperluaskan ke negeri yang lain?
Berikan alasan anda.

[8 markah]

Ya, kerana menambah peluang pekerjaan dalam sektor pertanian.
Menambah pendapatan penduduk dan negara.
Membekalkan bahan mentah kepada industri tempatan.
Meningkatkan taraf hidup penduduk negeri lain.
Memajukan infrastruktur.
Menggalakkan proses urbanisasi.

ATAU

Tidak, kerana pembukaan petempatan baharu memusnahkan habitat flora dan fauna.
Kepupusan flora dan fauna, menjejaskan keseimbangan ekosistem.
Pembukaan ladang baharu menyebabkan suhu meningkat.
Berlaku hakisan tanah, tanah runtuh.
Banjir kilat kerana sungai menjadi cetek.

Soalan 8 berdasarkan foto berikut.
Foto berkaitan salah satu kegiatan ekonomi.

(a) Jelaskan ciri kegiatan ekonomi di dalam foto tersebut.

[6 markah]

Menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.
Tidak menghasilkan bahan mentah
Tidak menghasilkan barangan siap.
Melibatkan pengangkutan untuk penghantaran sesuatu atau membawa penumpang.
Penggunaan teknologi tinggi seperti GPS.
Penggunaan telefon pintar dan guna aplikasi seperti GRAB.
Tertumpu di kawasan bandar yang mempunyai penduduk ramai.
Perkhidmatan yang cepat dan mudah dicapai oleh pelanggan.

(b) Terangkan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di dalam 8(a).

[6 markah]

Permintaan yang tinggi, kerana pertambahan penduduk, contoh di bandar baharu.
Tahap teknologi tinggi seperti penggunaan telefon pintar. Contoh aplikasi GRAB.
Jaringan pengangkutan yang baik memudahkan kegiatan dijalankan. Contoh lebuh raya.
Taraf hidup penduduk yang tinggi, kerana gaji tinggi.
Gaya hidup penduduk berubah untuk menikmati pelbagai perkhidmatan.
Tenaga buruh yang ramai, kerana ramai golongan muda berminat dengan pekerjaan yang lebih bebas.
Contoh pemandu Grab.

(c) Huraikan peranan sektor ekonomi di dalam foto tersebut terhadap pembangunan negara.

[8 markah]

Menambah peluang pekerjaan, ini dapat mengurangkan kadar pengangguran. Contoh pemandu.

Menambah pendapatan negara melalui cukai perkhidmatan, ini dapat memajukan infrastruktur negara.
Contoh pembinaan lebuh raya. Seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk.

Memajukan industri tempatan kerana meluaskan pasaran. Contoh industri pengangkutan dan makanan.

Menggalakkan pemindahan teknologi dari negara maju seperti Amerika Syarikat. Contoh sistem GPS. Hal ini membantu meningkatkan perkembangan ekonomi digital.

Soalan 9 berdasarkan foto berikut.
Foto berkaitan penjanaan sumber tenaga.

(a) Jelaskan ciri-ciri sumber tenaga tersebut?

[6 markah]

Tenaga nuklear dikategorikan sebagai sumber tenaga boleh baharu kerana merupakan sumber tenaga alternatif untuk menggantikan bahan api fosil.

Sumber tenaga yang lebih mesra alam kerana tidak membebaskan asap dan gas rumah hijau, seperti gas karbon dioksida.

Walaupun tenaga nuklear bergantung kepada galian uranium tetapi mampu menghasilkan sumber tenaga yang amat besar untuk jangka masa yang lama.

Teknologi reaktor moden mampu mengitar semula sisa nuklear menjadi bahan api baharu, menjadikan ia sebagai tenaga yang boleh digunakan secara berterusan.

(b) Apakah kesan penjanaan sumber tenaga tersebut terhadap alam sekitar?

[6 markah]

Pecemaran udara, pembebasan gas radon.

Pencemaran air, proses penjanaan tenaga guna air sebagai bahan penyejuk.

Pencemaran tanah oleh sisa perlombongan radioaktif

Kepupusan flora dan fauna, menjejaskan keseimbangan ekosistem

Menjejaskan kesihatan manusia/ Mutasi/ Penyakit.

(c) Wajarkah Malaysia membangunkan penjanaan sumber tenaga tersebut? Berikan alasan anda.

[8 markah]

Ya, menambah peluang pekerjaan/ Menambah pendapatan

Membangunkan petempatan/ Meningkatkan taraf hidup/ Memajukan infrastruktur

Membekalkan sumber tenaga untuk memajukan industri

Menggalakkan pelaburan asing

Mengatasi krisis sumber tenaga

Sumber tenaga boleh baharu, boleh digunakan berterusan.

ATAU

Tidak, kerana pecemaran udara, pembebasan gas radon.

Pencemaran air, proses penjanaan tenaga guna air sebagai bahan penyejuk.

Pencemaran tanah oleh sisa perlombongan radioaktif


Kepupusan flora dan fauna, menjejaskan keseimbangan ekosistem

Menjejaskan kesihatan manusia/ Mutasi/ Penyakit.

No. Kad Pengenalan : _____

Angka Giliran : _____

GEOGRAFI KERTAS 2
Peta 1 untuk Soalan No. 6 (a)



Peta 2 : Malaysia

P	Kuala Kangsar
Q	Pelabuhan Klang

R	Miri
S	Kota Kinabalu